

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, May 28, 2019 6:16 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pengerusi LPU Adakan Kunjungan Hormat Ke Atas Pengerusi PNB



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

28 MEI 2019 / 23 RAMADAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media

PENGERUSI LPU ADAKAN KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS PENGERUSI PNB



UUM ONLINE: Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Utara Malaysia, Prof. Dato' Dr. Sudin Haron telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Pengerusi Kumpulan Permodalan Nasional Bhd (PNB), Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz di Menara PNB, Kuala Lumpur, semalam.

Dalam pertemuan bersama mantan Gabenor Bank Negara itu, Prof. Dato' Dr. Sudin telah menerangkan tentang perkembangan semasa UUM yang telah ditubuhkan sejak 1984 oleh Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad ketika menjadi Perdana Menteri Keempat.

Selain itu, beliau juga mencadangkan agar ditubuhkan Kursi Akademik PNB di UUM, malah berharap PNB dapat menawarkan dana untuk geran penyelidikan kepada penyelidik di UUM dan cadangan tersebut telah mendapat respon positif Tan Sri Dr. Zeti Akhtar.

Prof. Dato' Dr. Sudin juga menjemput beliau untuk menyampaikan syarahan kepimpinan di UUM selaras dengan teras UUM sebagai universiti pengurusan.

Kesempatan itu juga, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar telah berkongsi pengalaman manis beliau berkenaan potret Allahyarham ibunya, Azah Aziz, seorang tokoh budaya yang dilukis pelukis Indonesia, Basuki dan telah diabadikan di Istana Bogor.

Tan Sri Dr. Zeti Akhtar merupakan Gabenor Bank Negara ketujuh mulai tahun 2000 hingga 2016 dan merupakan wanita pertama yang memegang jawatan tersebut.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.